

Kertas Tema:  
Pencegahan Ekstremisme Melalui Teknologi Informasi

Oleh :  
Yang Mulia  
Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim  
Ketua Bahagian Antarabangsa dan MABIMS  
Selaku Ketua Sekretariat MABIMS Brunei,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Negara Brunei Darussalam.

# PENCEGAHAN EKSTREMISME MELALUI TEKNOLOGI INFORMASI

## 1- Pendahuluan

Di dalam era globalisasi ini, kita terdedah kepada pelbagai ilmu pengetahuan dan maklumat yang dahulunya tidak dapat dicapai di atas beberapa keterbatasan seperti geografi, teknologi dan sebagainya. Teknologi informasi memainkan peranan yang penting dan merupakan satu ‘kenderaan’ bagi menyampaikan maklumat atau mesej kepada satu pihak yang tertentu atau orang awam. Ledakan teknologi informasi memberikan impak kepada kehidupan masyarakat di dunia ini. Impak tersebut boleh dikategorikan kepada impak positif dan impak yang negatif.

Setiap orang berlumba-lumba dalam menggunakan teknologi informasi untuk mendapatkan maklumat terkini dan menyampaikan maklumat kepada satu pihak yang lainnya. Di sinilah kesempatan individu atau kumpulan tertentu untuk menggunakan teknologi informasi sebagai satu wahana untuk memperkenalkan diri dan menyampaikan fahaman mereka supaya mendapat dukungan dan sokongan daripada orang awam.

Kertas kerja ini akan membentangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi dari perspektif global dan juga Negara Brunei Darussalam dalam mencegah ekstremisme melalui teknologi informasi. Seterusnya beberapa cadangan akan dikemukakan dalam perancangan kita untuk mencegah ekstremisme melalui media informasi.

## 2- Objektif

Kertas kerja ini mengupas peranan teknologi informasi di dalam menyebarkan maklumat berkaitan dengan ugama, berkongsi pengalaman Negara Brunei Darussalam dalam

menghadapi dan bersedia dengan cabaran ekstremism melalui media teknologi secara langsung dan tidak langsung

### 3- Ekstremisme

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, ekstremis maksudnya adalah orang atau kumpulan yang melampau atau pelampau. Definisi ekstemisme amat meluas iaitu ianya merangkumi makna berlebih-lebihan dalam kefahaman politik, ugama dan sebagainya.

Manakala, ekstremisme dalam ugama bermaksud berlebih-lebihan dalam beragama; menerapkan agama secara kekerasan tanpa mengenal batasan kemanusiaan. Ekstremisme di dalam berugama bukan terhad kepada Ugama Islam sahaja , malah ugama-ugama lain juga berhadapan dengan fenomena ekstremisme ini.

Dr Yusuf Al Qardawi, seorang cendekiawan Islam dari Mesir, menjelaskan ciri-ciri Islam ekstremis sebagai :

- i- Fanatik pada satu pendapat dengan keterlaluan
- ii- Mewajibkan ke atas manusia sesuatu yang tidak diwajibkan oleh Allah ke atas mereka.
- iii- Memperberat tidak pada tempatnya.
- iv- Sikap kasar dan keras.
- v- Buruk sangka terhadap manusia.

Ekstremisme dalam berugama sudah lama wujud semenjak kedatangan Islam lagi. Pada masa ini, banyak pergerakan yang mengaku diri mereka mempertahankan kedaulatan

ugama tampil ke hadapan dan menyebabkan kekeliruan dan perbelahan di antara masyarakat dalam sesebuah negara. Ekstremisme sebegini sering dikaitkan dengan istilah "terrorism" dan "terrorist".

Ekstremisme dalam konteks global pada masa ini tertumpu kepada beberapa kumpulan yang besar seperti ISIL, Boko Haram, Taliban dan Al Qa'eda. Salah satu contoh kumpulan ekstremis yang menjadi perhatian dunia ialah pergerakkan yang dikenali sebagai IS (Islamic State) atau Daesh. Negara Islam di Irak dan Syria (ISIS) menjadi salah satu percakapan terhangat di seluruh dunia. Gerakan yang menyebut dirinya sebagai *al-Dawlah al-Islāmiyah fī al-'Irāq wa-al-Shām* (الدولة الإسلامية في العراق والشام), *Islamic State in Iraq and Syria* merupakan gerakan sekaligus negara yang tidak diakui di Irak dan Syria. Sebagai sebuah gerakan, ISIS merupakan salah satu gerakan kelompok garis keras yang bertentangan dengan keumuman pemahaman Islam tentang Jihad. *IS/IS* rumupunan kata : *Islamic State of Iraq and Syria* . Negara Islam Iraq dan Syam merupakan kumpulan pejuang yang aktif di Iraq dan Syria. Kumpulan ini dipimpin oleh Abu Bakr Al Baghdadi , yang telah mengistiharkan kewujudan semula kerajaan khalifah selepas ia dimansuhkan sejak kewujudan Empayar Uthmaniyyah pada tahun 1924. Kumpulan ini juga dikenali dengan nama Da'ish atau ISIS, ISIL dan kini dikenali sebagai IS ( Islamic State ).

Global Terrorism Index 2016 menyatakan bahawa pada tahun 2015 sahaja, empat pergerakkan atau kumpulan ekstremis (ISIL, Boko Haram, Taliban dan Al Qa'eda) bertanggungjawab terhadap 74 peratus kematian yang disebabkan oleh 'terrorism'. Lima buah negara telahpun disenaraikan sebagai negara yang terkesan iaitu Iraq, Afghanistan, Nigeria, Pakistan dan Syria. Dari keempat pergerakkan atau kumpulan ini, ISIL atau ISIS merupakan kumpulan yang paling ganas dan menyebabkan 6,141 kematian di 252 buah bandar pada tahun 2015.

#### 4- Media Informasi

Pada masa ini, media informasi memainkan peranan yang sangat penting di dalam kehidupan sehari-hari. Media informasi merupakan satu wahana atau ‘kenderaan’ untuk menyampaikan maklumat kepada individu, pergerakkan atau orang awam.

Media informasi mengalami evolusi dari semasa ke semasa yang memudahkan akses kepada maklumat. Ianya sekarang boleh diakses oleh segenap lapisan masyarakat samada kecil ataupun besar. Di antara media informasi yang sering digunakan pada masa ini untuk menyebarluaskan maklumat ialah laman sesawang, e-mel, Whatsapp, Twitter, Facebook, Instagram dan sebagainya.

Untuk dapat hidup efektif orang harus hidup dengan cukup informasi. Dengan demikian maka komunikasi dan pengawasan menampakkan bahagian hakiki bagi hidup manusia. (Wiene Nobort, 1972)

Mengikut Statistik dari pelbagai sumber, penggunaan Media Sosial adalah seperti berikut:

- i. Lebih 100 juta orang menggunakan *Instagram* setiap bulan.
- ii. Pengguna *Twitter* yang aktif lebih dari 200 juta setiap bulan;
- iii. Pengguna *WhatsApp* yang aktif, lebih kurang 300 juta, 11 juta pesanan ringkas dihantar dan 20 billion message diterima setiap hari.
- iv. 68% dari pengguna Media sosial di Brunei menggunakan Media Soial mereka setiap hari (*Brunei Darussalam Household ICT Survey 2013*)

Media informasi mempunyai peranan yang penting dalam menyebarkan apa jua maklumat kepada individu, orang ramai ataupun masyarakat. Peranan media informasi sangat luas dan ianya berguna dalam bidang pendidikan, politik, keusahawanan dan sebagainya.

Adam Jait, 2016 menyatakan dalam pendidikan misalnya, dapat membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran dengan lebih efektif, menarik dan menyeronokkan. Maklumat mudah di akses pada bila-bila masa secara perseorangan ‘private’ atau berkumpulan ‘Group’ melalui ‘Whatsapp’. Membantu pelajar dan tenaga pengajar mencari dan berkongsi maklumat -maklumat yang lebih banyak. Bahan-bahan multimedia untuk kuliah di universiti boleh dimanfaatkan melalui Youtube. Pengguna boleh berkenalan dan berkomunikasi dengan ramai orang dari seluruh negara dan boleh mendapatkan maklumat terkini dengan mudah dan pantas. Sebagai contoh, melalui laman media sosial seperti Facebook dan Instagram merupakan laman media sosial yang terkenal dan digunakan hampir di seluruh dunia.

Media informasi mempunyai kesan yang positif dan juga negatif ke atas sesuatu negara, masyarakat mahupun individu. Di antara kesan positif media informasi ialah ianya dapat digunakan sebagai alat pendidikan, alat komunikasi yang lebih cepat dan meluas dan membawa dunia lebih dekat. Kesan negatifnya pula ialah ianya dapat mengelirukan orang awam sekiranya maklumat yang diberikan adalah tidak betul atau palsu, dapat mempengaruhi mereka yang mudah percaya, dapat mengundang jenayah dan sebagainya.

Di dalam Al Quran ada menyentuh mengenai dengan kepentingan maklumat atau perkataan yang benar. Pada Surah Al Ahzab ayat 70 hingga 71, Allah Subhanahu Wata’ala berfirman :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (٧٠) يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ

لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا (٧١)

Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar, niscaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu. Dan barang siapa menaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah mendapat kemenangan yang besar.

Allah Swt. memerintahkan kepada hamba-hamba-Nya yang beriman agar tetap bertakwa kepada-Nya dan menyembah-Nya dengan penyembahan sebagaimana seseorang yang melihat-Nya, dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar, yang jujur, tidak bengkok, tidak pula menyimpang. Lalu Allah menjanjikan kepada mereka jika mereka melakukan perintah-perintah-Nya ini, Dia akan memberi mereka pahala dengan memperbaiki amal perbuatan mereka. Yakni Allah memberi mereka taufik untuk mengerjakan amal-amal yang saleh, dan bahwa Allah akan mengampuni dosa-dosa mereka yang terdahulu. Sedangkan dosa yang akan mereka lakukan di masa mendatang, Allah akan memberi mereka ilham untuk bertobat darinya. (Petikan Tafsir Ibnu Kathir)

Begitu juga pada Surah An Nisaa Ayat 135, Allah Subhanhu Wata'ala berfirman, Allah Subhanhu Wata'ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ  
وَالْأَقْرَبِينَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَإِنَّ اللَّهَ أَوْلَى بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهُوَى أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ  
تَلُوْوا أَوْ تُعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا (١٣٥)

*Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi Karena Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. jika ia Kaya ataupun miskin, Maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu Karena ingin menyimpang dari kebenaran. dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, Maka sungguhnya Allah adalah Maha mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.*

#### 5- Media Informasi di Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang mempunyai 422, 678 orang penduduk. Ugama Islam merupakan ugama rasmi Negara yang berpaksikan ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah menurut Mazhab Syafi'e. Negara Brunei Darussalam juga mengamalkan konsep yang unik iaitu konsep Melayu Islam Beraja yang dijadikan asas kehidupan seharian dan pentadbiran negara.

Sebagai sebuah negara Islam di rantau Asia, Negara Brunei Darussalam mempunyai peranan untuk memartabatkan ugama Islam melalui pentadbiran dan pendidikan hal ehwal ugama yang kukuh lagi mantap serta dapat ‘berinteraksi’ dengan dunia luar atau di arena antarabangsa.

Media Informasi digunakan di keseluruhan pentadbiran setiap organisasi di Negara Brunei Darussalam. Malah e-mel rasmi adalah diiktiraf sebagai media perhubungan yang rasmi. Kerajaan Negara Brunei Darussalam telahpun memperuntukkan sejumlah peruntukan yang banyak untuk menyediakan infrastruktur media teknologi bagi kegunaan urusan pentadbiran, kewangan dan apa juar urusan sehari-hari. Akta-akta dalam Undang-undang juga diperuntukkan bagi mengawal penggunaan media informasi ini.

Dalam konteks ini, peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam adalah sangat penting dan ianya berkaitan langsung dengan mengukuhkan akidah setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan mengelakkan anasir-anasir yang boleh memesongkan akidah dan menimbulkan gejala ekstremisme. Tugas dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengawal hal ehwal keugamaan di Negara Brunei Darussalam, dan perkara ini juga bertepatan dengan objektif strategik Kementerian "amar Ma'ruf Nahi Mungkar" iaitu menyeru kepada perkara berkebajikan dan menegah kemungkaran. Disamping itu bagi mencapai visi Kementerian Hal Ehwal Ugama "memperkasa kerasmian dan amalan ugama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi mencapai Negara Zikir dan Negara yang Aman Ma'mur dan Tuhan yang Maha Pengampun".

Di dalam Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri, penggunaan media informasi meluas seperti berikut:

i- Pendidikan

Applikasi-aplikasi media teknologi digunakan dalam pendidikan ugama dan juga pendidikan nasional di Negara Brunei Darussalam. Ini memperkayakan lagi metolodogi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

ii- Pentadbiran

Dalam perhubungan seharian , e-mel , pesanan ringkas dan Whatsapp digunakan untuk menyebarkan maklumat dan data. Beberapa unit di dalam Kementerian diperuntukkan dan ditubuhkan untuk menyediakan infrastruktur dan teknikal serta mengawal akan penyebaran maklumat dan data tersebut. Contohnya, satu Unit Media dan Sosial di Bahagian Perhubungan Awam telahpun ditubuhkan untuk memantau maklumat-maklumat yang terpapar di media sosial seperti facebook, Whatsapp, Instagram dan sebagainya. Ini penting untuk mencegah sebarang maklumat palsu berkaitan dengan akidah dan ugama ditularkan ke orang awam.

iii- Dakwah

Dakwah merupakan teras kepada penyebaran Ugama dan pengukuhan akidah Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam. Pusat Dakwah Islamiah, sebuah organisasi di Kementerian Hal Ehwal Ugama, menggunakan media informasi seperti laman web, facebook dan Instagram untuk menyebarkan maklumat aktibiti-aktibiti dakwah di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah, setakat ini anasir-anasir ekstremisme di Negara Brunei Darussalam dapat dikawal dengan jayanya, iaitu sifar kes tangkapan berkaitan dengan ekstremisme. Kertas ini akan menjelaskan bagaimana ekstremisme dapat dikawal walaupun Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan cabaran-cabaran globalisasi seperti kemajuan teknologi maklumat.

## 6- Ekstremisme vs. Media Informasi di Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam, dari semasa ke semasa, meningkatkan usaha dalam memastikan ianya bebas daripada sebarang ancaman yang boleh menggugat keamanan, keharmonian dan keselamatan Negara dengan memperketatkan lagi pemantauan di Jabatan-Jabatan kerajaan yang berkenaan.

Baru-baru ini, pada Februari 2017, hasil daripada kerjasama agensi-agensi perisikan dan penguatkuasaan di Negara Brunei Darussalam, empat orang warga asing telahpun ditahan di bawah Bab 55 Akta Keselamatan Dalam Negeri dan seterusnya diusir dan disenaraikan daripada memasuki Negara ini setelah mereka didapati mempunyai kecenderungan terhadap ideologi kumpulan IS. Dua daripada suspek tersebut memiliki bahan-bahan propaganda yang berkaitan dengan Kumpulan IS dan kesemua suspek mengakui memuat turun video-video IS yang boleh diperolehi secara 'online' di internet dan seterusnya dikongsi bersama dengan individu-individu lainnya.

Statistik daripada Bahagian Penguatkuasa Ugama Kementerian Hal Ehwal Ugama, tahun 2016 , menunjukkan bahawa tiada kes ekstremisme atau terrorism dilaporkan setakat 5 tahun kebelakangan yang membabitkan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Penggunaan media informasi adalah menggalakkan dan bertambah dari semasa ke semasa di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah kerana akses kepada media informasi adalah mudah. *Brunei Household ICT Survey 2013* menyatakan 68% dari pengguna sosial di Negara Brunei Darussalam menggunakan media sosial setiap hari. Kadar 68% pengguna Media Sosial di Negara Brunei Darussalam adalah merupakan peratus pengguna yang tinggi. Adalah menjadi satu yang wajar ianya dimanfaatkan sebaiknya dalam penyebaran da'wah seperti yang di hasratkan.

Tidak dinafikan fenomena ‘viralled messages’ sering diterima melalui aplikasi Whatsapp yang menyebarkan maklumat yang kurang tepat atau palsu. Di sinilah peranan pihak-pihak yang tertentu membetulkan keadaan dengan mengadakan ‘press release’ dan disebarluaskan melalui media informasi seperti televisyen, radio, e-mel, Whatsapp dan sebagainya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sering bertitah mengenai dengan gejala-gejala media sosial antaranya ialah :

- i- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-56 Tahun, 2016

*“ Kita perlu ingat bahawa anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab sangatlah bijak mempergunakan kaedah-kaedah baru seperti media sosial, untuk menyebarluaskan ideologi mereka, dan seterusnya, mendorong masyarakat ke arah radicalisation. Oleh itu, Beta menekankan betapa mustahaknya untuk mematuhi etika penggunaan media sosial, dan menjalankan pemantauan secara proaktif, bagi memastikan keutuhan benteng dalaman itu.*

*Selain daripada ancaman radicalisation, ancaman siber juga semakin membimbangkan. Dalam zaman digital ini, internet memainkan peranan untuk mematuhi keperluan kita. ”*

- ii- Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Penuntut Negara Brunei Darussalam yang Berada di Mesir Tahun 2013.

*"Sebagaimana kita sama-sama maklum, hari ini adalah era internet. Ramai orang terlalu asyik kepadanya, lebih dari kepada yang lain-lain, tidak terkecuali juga para pelajar sendiri, mereka itu mungkin saja, ada yang sangat berminat kepada internet lebih daripada membaca buku atau kitab.*

*Jika ini berlaku, dikhawatir pula akan ada orang yang menukar pengajian : dari pengajian dikuliah kepada pengajian di internet.*

*Pada hement Beta, perkara seperti ini janganlah berlaku. Kerana dapatan daripada internet itu tidak semua yang sahih, tetapi banyak kontroversinya.*

*Bagi para pelajar, khasnya pelajar ugama, mereka perlu berhati-hati dalam melayari internet. Pada ketika ini sering muncul "ulama-ulama internet". Di antara mereka itu ada yang membawa fahaman-fahaman baru, seperti menolak tahlil dan menganggap menyambut Maulidur Rasul sebagai bid'ah yang buruk, dan lain-lain lagi.*

*Para pelajar kita, janganlah terjerat oleh fahaman-fahaman seperti ini. Brunei Darussalam tidak selesa dengannya. Adapun kita sekarang, sudah cukup bagus lagi mantap, tidak perlu dikeruhkan oleh pelbagai pegangan baru atau idea-idea yang tidak menentu.*

*Kepada para pelajar, beta suka menasihatkan supaya memilih ulama mu'tabar, bukannya ulama internet. Ada perbezaan di antara ulama mu'tabar dan ulama internet. Ulama mu'tabar adalah mereka yang bergantung atau bersandar kepada Al-Quran, As-Sunnah dan ijma', sementara ulama internet pula, suka bergantung kepada pendapat-pendapat sendiri."*

- iii- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1434H anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 27 Ogos 2013

*"Kuasa teknologi infokomunikasi (ICT) sangat besar dan berpotensi untuk mempengaruhi seluruh kehidupan kerana jika ia digunakan untuk kebaikan, maka kebaikan itu dengan mudah boleh dicapai namun jika sebaliknya digunakan untuk keburukan, tidak syak lagi ia adalah racun berbisa untuk semua, kita semua sentiasa waspada dan berhati-hati terhadap kemungkinan-kemungkinan negatif dari penggunaan ICT terutama di kalangan generasi muda bahkan juga kanak-kanak. Penggunaan yang tidak betul dan menyeleweng, boleh mengundang kepada kemudharatan-kemudharatan serious bagi individu, keluarga dan masyarakat. Sehubungan itu agensi-agensi yang bertanggungjawab dan semua sektor yang berkaitan hendaklah memastikan, ICT hanyalah sebagai pemudah cara untuk meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan efisiensi di dalam urusan serta untuk menjana pertumbuhan ekonomi"*

Dalam pada masa yang sama, pihak-pihak berkuasa juga sering mengingatkan orang ramai mengenai Akta-Akta atau Undang-Undang yang berkuatkuasa dalam menangani penyebaran maklumat-maklumat yang palsu yang boleh menyebabkan kekeliruan di kalangan orang ramai. Di antara Akta-Akta atau Undang-Undang yang terdapat di Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut:

- i- Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) yang membawa hukuman penjara sehingga sesuatu tempoh 3 tahun atau denda \$3,000, jika sabit kesalahan perbuatan menyebarkan maklumat palsu yang boleh menggugat/ mengancam atau menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada orang awam.

- ii- Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan yang membawa hukuman denda maksimum \$5,000 dan penjara selama dua tahun, jika sabit kesalahan menerbitkan penerbitan menghasut di laman media sosial seperti Facebook dan sebagainya.
- 7- Pencegahan Ekstremisme Dalam Jangka Masa Panjang di Negara Brunei Darussalam.

Di Negara Brunei Darussalam sendiri, kehidupan sosio-budaya dan sosio-ekonomi rakyat dan penduduknya berpandukan kepada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dan ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah bermazhab Mazhab Syafie berpaksikan kepada konsep Melayu Islam Beraja. Ini juga merupakan asas kepada 'governance' Negara yang meliputi pendidikan, keugamaan, ekonomi, pertahanan, budaya dan sebagainya.

Pendidikan sangat dititik-beratkan di Negara Brunei Darussalam. Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam merupakan satu pendidikan yang mantap yang mengalami evolusi sesuai dengan arus perubahan tanpakekangan perubahan politik. Dalam erti kata lain, eco-sistem politik Negara Brunei Darussalam yang berupa satu sistem pemerintahan Beraja (Monarchical System), pendidikan merupakan sistem yang stabil selama ianya dilaksanakan. Sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam menyediakan aliran sistem pendidikan biasa, sistem pendidikan ugama dan sistem pendidikan aliran Arab. Setiap kanak-kanak yang bersekolah di Negara Brunei Darussalam didedahkan dengan Pengetahuan Ugama Islam dari awal lagi. Subjek Pengetahuan Ugama Islam merupakan subjek teras di dalam Sistem Pendidikan Nasional. Setiap kanak-kanak berugama Islam juga mengikuti pendidikan Ugama dalam sistem persekolahan Ugama.

Akta-akta telahpun digubal dalam mewajibkan setiap kanak-kanak memasuki sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam seperti :

- i- Akta Pendidikan Wajib 2007 menyatakan bahawa setiap kanak-kanak warga, yang berumur 6 tahun hingga 15 tahun, warga tempatan yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam diwajibkan bersekolah pada tempoh pendidikan wajib tersebut.
- ii- Akta Pendidikan Wajib Ugama 2013 menyatakan bahawa tiap-tiap ibu bapa hendaklah, jika anaknya adalah seorang kanak-kanak yang berumur wajib bersekolah ugama pada 01 Januari dalam tahun bersekolah semasa (2013), memastikan bahawa anaknya itu didaftarkan sebagai seorang murid di sebuah sekolah ugama pada tahun itu dan terus menjadi seorang murid bagi tempoh pendidikan ugama wajib

Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1959 merupakan sebagai satu langkah yang besar dalam kemajuan perkembangan negeri ini menuju ke arah kerajaan sendiri yang penuh dan merdeka dimana perlembagaan ini menumpukan kepada Islam sebagai ugama rasmi negara, menggariskan kuasa eksekutif Sultan, Islam sebagai agama rasmi negara, dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Falsafah Negara Brunei Darussalam yang diamalkan semenjak ianya mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 ialah Melayu Islam Beraja. Falsafah ini membentuk kehidupan seharian rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dan ianya juga diterapkan ke dalam 'governance' Negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam tahun 1984 yang antaranya

*"...Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah subhanahu wataala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, bersendikan kepada ajaran-ajaran ugama islam menurut Ahlus Sunnah Wal-jemaah dan dengan berasakan keadilan, dan amanah, dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu Wataala juga dan akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebijakan dan kebahagiaan bagi rakyat beta..."*

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara Islam yang mengamalkan sistem Undang-Undang Sivil dan juga Syariah. Kedua undang-undang ini berjalan seiringan dan ianya merupakan benteng kepada pencegahan anasir-anasir yang tidak baik ataupun jenayah. Akta-akta diperuntukkan di dalam Undang-undang Negara berkenaan dengan Media Informasi seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Di sinilah kekuatan Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi apa jua ancaman-ancaman yang boleh menggugat kestabilan politik dan sosial Negara. Media informasi memainkan peranan yang penting di dalam memberi gakan dan membantu sistem pendidikan , pentadbiran negara dan falsafah MIB ke seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Maka, dalam konteks kertas ini, ekstremisme dicegah dari awal melalui sistem pendidikan yang mantap, perlembagaan negara yang mengandungi nilai-nilai murni, Melayu Islam Beraja yang dijadikan sebagai falsafah negara dan struktur organisasi yang mantap.

8- Rumusan Bagi Pencegahan Ekstremisme Melalui Media Informasi

Dengan adanya keterangan-keterangan seperti di atas, bolehlah diambil kesimpulan bahawa ekstremisme dapat dicegah melalui media informasi yang membantu menyebarluaskan maklumat-maklumat dan ajaran-ajaran betul yang diterapkan melalui :

- i- Pendidikan yang stabil.
- ii- Struktur Organisasi yang mantap.
- iii- Dakwah.
- iv- Undang-undang atau Akta-akta yang mengawal penyebaran maklumat yang palsu atau mengelirukan.

Rujukan :

1. Nobort Weine, The Human Use of Human Beings, dipetik dari Komunikasi Dalam Teori dan Perspektif, (Astrid s. Susant, 1972 pg. 3)
2. Global Terrorism Index 2016 by Institute for Economics and Peace
3. Meningkatkan Kesedaran Umat Islam dalam Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi : Tinjauan Umum Mengenai Implikasi Internet dan Media Sosial , Adam Jait 2016 – Majlis Ilmu.
4. <http://blog.instagram.com/post/44078783561/100-million>
5. [http://news.cnet.com/8301-1035\\_3-57579801-94/whatsapp-ceo-were-bigger-than-twitters-200m-users/](http://news.cnet.com/8301-1035_3-57579801-94/whatsapp-ceo-were-bigger-than-twitters-200m-users/)
6. <http://allthingsd.com/20130806/the-quiet-mobile-giant-with-300m-active-users-whatsapp-adds-voice/>
7. [www.aiti.gov.bn](http://www.aiti.gov.bn)
8. [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)